

ANALISIS ISI KANDUNGAN BUKU TEKS BAHASA ARAB “AL-MUNĪR AL-LUGHAH AL-^CARABIYYAH AL-ITTISŌLIYYAH” TAC151 UITM MALAYSIA

Anuar bin Sopian (Dr)
anuarsopian@gmail.com

Abstrak

Penelitian ini bertujuan untuk mengetahui kualiti buku teks bahasa Arab “al-Munīr al-Lughah al-Arabiyyah al-Ittisōliyyah TAC151” sebagai bahan ajar yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab tahap dua di UiTM. Sementara itu dalam menganalisis data penulis menggunakan analisis kandungan (content analysis). Kajian ini mendapati bahawa buku ini layak dijadikan sebagai bahan pengajaran di universiti terutama di UiTM. Hal ini disebabkan substansi dan komposisi buku ini telah memenuhi ciri umum dan ciri khusus buku teks. Selain itu buku ini juga sudah memenuhi ciri-ciri buku teks yang baik yang dapat memberi manfaat kepada universiti, pensyarah dan pelajar di UiTM. Kelebihan buku teks ini adalah bahasa yang digunakan merupakan bahasa Arab fushah, disusun secara sistematik, dan dilengkapi dengan banyak ilustrasi gambar yang berwarna. Sedangkan kekurangannya adalah terdapat beberapa kesalahan dalam membariskan perkataan dan tidak terdapat senarai rujukan.

Kata Kunci : Analisis, Buku Teks dan Bahasa Arab

2017 JHLCB

1.0 Pendahuluan

Buku teks merupakan salah satu bahan mengajar yang penting dan sering digunakan oleh para guru. Buku teks memberi panduan atau sukatan bagi setiap tajuk yang perlu diajar. Bagi murid pula, buku teks dijadikan asas bacaan bagi sesuatu mata pelajaran di samping buku-buku rujukan lain. Bagi negara yang sedang maju seperti Malaysia, tidak dinafikan bahawa buku teks adalah salah satu bahan utama untuk mentafsirkan falsafah, matlamat, objektif dan prinsip kurikulum pendidikan. Buku teks yang bermutu bukan sahaja dapat menentukan perkembangan ilmu pengetahuan, tetapi juga membantu pembinaan sahsiah dan perkembangan rohani murid. Hal ini adalah selari dengan matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan, iaitu untuk membentuk diri dalam aspek intelektual dan kerohanian (KPM 2005).

Menurut Muhammad Haron Husaini, Muhd. Syukri Abd. Rahman, Ahmad Redzaudin Ghazali dan Norhidayati Abdullah (2014), antara faktor utama yang menyumbang kepada keberkesanan proses P&P ialah buku teks. Buku teks yang baik dapat menambah minat dan kecenderungan pelajar untuk mengikuti kursus yang ditawarkan. Pelajar juga dapat menghayati serta menerokai disiplin seterusnya menjejaki perkembangan ilmu yang dibincangkan di dalamnya. Buku teks yang baik seharusnya disusun dengan berasaskan kajian yang meliputi bahasa, konteks, budaya bahasa sasaran dan bahasa ibunda pelajar. Buku yang berkualiti,

dengan mudah meraih perhatian pelajar jika sesuai kandungannya dengan peringkat umur, latar belakang dan keperluan mereka.

Dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, buku teks adalah sumber utama guru dan pelajar. Ini bermakna ia merupakan salah satu faktor penting yang berperanan dalam menentukan tahap penguasaan dan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mempelajarinya selain faktor-faktor lain seperti guru, persekitaran dan pelajar sendiri (Ainon Wazir, 2004). Isu keupayaan dan kemahiran bahasa pelajar yang dinyatakan di atas telah dikupas oleh ramai sarjana. Ishak (1993) membangkitkan antara punca permasalahan pengajaran dan pembelajaran (P & P) bahasa Arab di Malaysia adalah penggunaan buku teks yang kurang sesuai. Ab. Halim Mohamad (2003) pula menimbulkan persoalan sejauh mana buku-buku teks bahasa Arab yang digunakan di Malaysia digubal berpandukan kepada kriteria-kriteria pembinaan sebuah buku teks bahasa Arab sebagai bahasa asing atau kedua yang telah digariskan oleh pakar. Menurut Abdul Halim lagi, didapati 78.5% responden guru menyatakan buku teks nahu kurikulum al-Azhar yang digunakan tidak atau kurang sesuai.

Menurut Wan Mohammad (1998), sesebuah buku teks yang bagus perlu memenuhi empat ciri ini iaitu (i) kandungan menepati sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran, (ii) bahasa yang betul dan mudah, (iii) grafik yang sesuai dan menarik minat murid untuk menggunakan buku teks, serta (iv) aktiviti dan latihan yang sesuai dengan aras murid. Sebagai mana yang diketahui, buku teks merupakan bahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran yang amat penting di dalam kelas. Memandangkan peri mustahaknya peranan yang dimainkan oleh buku teks, jadi, sudah menjadi tanggungjawab pihak berkenaan yang terlibat dalam menghasilkan sesebuah buku teks memastikan buku teks yang dihasilkan itu berkualiti tinggi dan tidak mempunyai kesalahan.

Menurut Mansoer Pateda (1991) prinsip asas dalam penyusunan buku teks adalah seperti prinsip tujuan, yang bermakna buku teks yang disusun mesti mencapai tujuan susunannya. Prinsip relevan iaitu mesti ada hubungan dengan kehidupan seharian pelajar. Prinsip efisien yang bermaksud mesti dapat dilaksanakan samada oleh pelajar atau pengajar. Prinsip fleksibel yang merangkumi keterbukaan dan kesesuaian dengan pelbagai tempat dan situasi. Prinsip integriti yakni mesti boleh dikaitkan dengan kursus atau mata pelajaran yang lain. Prinsip sambung yang memestikannya wujud kesinambungan. Prinsip objektif yang memestikannya berlandaskan kepada pemahaman terhadap masalah dalam bahasa secara ilmiah dengan sokongan disiplin ilmu lain seperti psikologi dan pedagogi. Terakhir ialah prinsip demokrasi yang memestikannya memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kapasiti berbahasa dan ilmu.

Para pengkaji telah menetapkan beberapa ciri penting bagi sebuah buku teks bahasa Arab yang baik untuk pelajar-pelajar peringkat IPT di Malaysia seperti ciri objektif, ciri bersepadu, ciri sesuai dengan keupayaan, keperluan dan kecekapan bahasa pelajar, ciri latihan yang mencukupi, ciri kesesuaian conrtoh dan ciri konteks menerusi situasi bahasa sebenar (Ab. Halim Mohamad (2003).

Atan Long (1980) dalam gesaan beliau supaya pembelajaran perlu dikaitkan dengan situasi kehidupan yang sebenar pernah menulis: sedapat-dapatnya pengajar hendaklah mengadakan situasi yang sebenar pembelajaran, para pelajar hendaklah dibimbing untuk

menyedari bahawa pembelajaran dan aktivitiaktiviti di tempat belajar sebahagian daripada kehidupan

Robert M. Gagne (1977) menyatakan bahawa terdapat lima kemampuan manusia yang dibangunkan melalui pembelajaran iaitu: keterampilan intelektual, maklumat verbal, strategi kognitif, kemahiran psikomotor, dan sikap. Manakala Bloom pula mengkatagorikannya dalam tiga keadaan: kognitif, afektif dan psikomotor. Justeru, Tenaga pengajar dituntut untuk menyediakan situasi pembelajaran itu agar para pelajar dapat mencapai kemampuan-kemampuan tertentu yang dipelajarinya. Menurutnya reka bentuk mesej atau pesan pembelajaran juga mempunyai peranan yang sangat penting, kerana reka bentuk pesan pembelajaran menunjuk pada proses memanipulasi, atau merancang suatu isyarat atau lambang (kata, gambar) yang boleh digunakan untuk menyediakan situasi pembelajaran (Fleming &Levie, 1981).

Ab Halim Mohamad (dalam Muhammad Haron Husaini dan Khairul Anuar Ahmad, 2008) dalam kajian beliau "Buku Teks Bahasa Arab di Malaysia, Antara Teori Pengajaran dan Realiti" telah menyenaraikan sebelas ciri penting bagi sebuah buku teks yang baik bagi pelajar IPT , iaitu objektif, bersepadu, peringkat pelajar, latihan, contoh, konteks, faedah, perlu, berperingkat-peringkat, penting, jelas dan senang. Kajian analisis kandungan buku teks bahasa Arab masih lagi kurang dijalankan di Malaysia. Kajian- kajian berkaitan buku teks telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu pula memfokuskan pada bidang atau kemahiran yang berbeza. Contohnya kajian Kamarul Zaman Abdul Ghani (2011). Tajuk tesis beliau adalah "Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Berasaskan Ujian Kloz Dalam Bahasa Arab ." Antara dapatan kajian beliau adalah kebolehbacaan buku teks Bahasa Arab Tinngi Tingkatan 4 berada pada tahap kecewa iaitu tidak sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Menurut beliau lagi, pihak berwajib seharusnya ambil kira tahap kebolehbacaan teks yang disediakan. Kajian beliau hanya meliputi petikan-petikan beberapa karangan yang terdapat dalam buku tersebut. Secara tidak lansung kajian ini menuntut satu penambah baikan dalam membina kandungan buku teks.

Kamarulzaman Abdul Ghani & Hassan Basri Awang Mat Dahan, (2010) berpendapat bahawa buku teks dalam pembelajaran bahasa Arab seharusnya memainkan peranan penting dalam mengembangkan penguasaan bahasa pelajar khususnya dalam perbendaharaan kata, kefahaman bacaan dan penulisan. Jika sesebuah buku yang dibaca dapat difahami dengan baik oleh pembaca ia merupakan alat pengajaran yang paling berkesan. Oleh itu ia perlulah bersifat mesra pelajar, sesuai dengan tahap pelajar sama ada dari sudut kandungan dan laras bahasa, menarik minat serta boleh memberi motivasi.

Terdapat satu kajian yang dijalankan oleh Azharudin Ahmad Zakaria (2005). Tesis beliau bertajuk "Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama, Satu Kajian Kes." Kajian beliau memfokuskan kepada tahap penggunaan buku teks dalam kalangan guru di sekolah-sekolah tersebut. Kesimpulan yang dibuat oleh beliau adalah guru-guru tidak berpuas hati dengan kandungan buku teks. Mereka juga berpendapat buku teks tersebut tidak dapat memenuhi kehendak pembelajaran pelajar. Buku teks yang dikaji oleh beliau bukan buku teks yang dikeluarkan oleh Bahagian Buku Teks, KPM, namun 199 penulis dapat melihat kesan pembinaan kandungan sesuatu buku teks terhadap proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Malaysia.

Sementara itu, menurut Nik Mohd Rahimi, Zahriah Hussin & Wan Normeza (2014) bahawa antara faktor kelemahan pelajar dalam menguasai Bahasa Arab di Malaysia ialah kekurangan kosa kata Arab. Kajian terhadap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia mendapati pelajar menguasai bilangan kosa kata yang dirancang oleh penggubal kurikulum bahasa Arab. Kelemahan penguasaan ini akan memberi kesan kepada penguasaan kemahiran berbahasa, iaitu Kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis, kerana setiap kemahiran berbahasa ini memerlukan kosa kata untuk belajar

Mohd Zuhir Abd Rahman (2005) juga telah menjalankan kajian terhadap buku teks KBSM Bahasa Arab Komunikasi. Tajuk tesis beliau "Penilaian Dalam Pembelajaran: Satu Kajian Buku Teks KBSM Bahasa Arab Komunikasi." Dalam tesisnya, beliau memberi fokus hanya kepada kajian terhadap soalan-soalan latihan yang terdapat di dalam buku teks tersebut. Korpus soalan dikumpul dan dianalisis berdasarkan aspek kemahiran asas berbahasa, aspek tatabahasa dan aspek penggunaan perbendaharaan kata. Antara dapatan utama beliau adalah peratusan terbesar latihan adalah dalam aspek kemahiran asas bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis sebanyak 74.9%. Diikuti dengan latihan perbendaharaan kata sebanyak 17.1% dan yang terakhir latihan tatabahasa sebanyak 8%. Latihan kemahiran asas bahasa mendominasi jenis latihan tersebut kerana buku teks tersebut ditulis untuk mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi yang memberi fokus kepada kemahiran berbahasa. Namun begitu, mata pelajaran ini telah ditukar kepada mata pelajaran Bahasa Arab sahaja pada tahun 2008, dan pendekatan komunikasi tidak lagi digunakan dalam buku teks yang baharu.

Arif Kharkhy (1994) menjelaskan bahawa apa sahaja teknik yang terkini dan dianggap maju dalam pengajaran bahasa Arab semuanya saling berkait rapat dengan beberapa faktor yang lain seperti kurikulum bahasa Arab, buku teks yang digunakan, alat-alat bantu mengajar, bilangan pelajar, tahap pencapaian pelajar dalam bahasa Arab dan kemampuan mereka, masa yang diperuntukkan dan peruntukan masa guru dalam pengajaran. Oleh itu peranan buku teks di sini tidak dapat dinafikan lebih-lebih lagi dalam konteks pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing di Malaysia.

Oleh itu, kertas kerja ini adalah untuk menganalisis reka bentuk isi kandungan buku teks bahasa Arab "*al-Munīr al-Lughah al-^CArabiyyah al-Ittisōliyyah TAC151*". Buku teks ini ditulis untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab peringkat diploma di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Kertas kerja ini juga akan menganalisis kesalahan-kesalahan sinteksis yang terdapat di dalam buku ini. Hal ini diharapkan dapat menjelaskan kelebihan dan kekurangannya dari sudut penyusunan dan penulisannya.

2.0 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- 2.1 Menganalisis reka bentuk dan Isi kandung buku teks.
- 2.2 Menganalisis kelebihan dan kekurangan buku ini.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan menggunakan instrumen analisis kandungan. Analisis kandungan dijalankan pada buku teks bahasa Arab “*al-Munīr al-Lughah al-^cArabiyyah al-Ittisōliyyah TAC151*”. Antara prosedur dalam menganalisis buku ini adalah 1. Menyenaraikan kelebihan yang terdapat di dalam buku teks ini 2. Mengidentifikasi kesalahan yang terdapat di dalam buku teks ini dan menjelaskan kesalahan dan memberikan contoh yang betul.

4.0 Latar Belakang Isi Kandungan Buku Teks

Buku ini bertajuk “*al-Munīr al-Lughah al-^cArabiyyah al-Ittisōliyyah TAC151*” (Pencerahan Bahasa Arab Komunikasi TAC 151). Buku ini ditulis oleh beberapa orang penulis iaitu Fauzi bin Azmi, Mohd Zaki bin Abdul Latiff, Norasiah binti Yunus dan Siti Nurfiza binti Abdul Al Ahdad Keempat-empatnya merupakan pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam Selangor. Tujuan penulisan buku teks ini adalah untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar bahasa Arab tahap kedua peringkat diploma UiTM yang merangkumi dua tahap untuk selain Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan. Selain itu buku ini juga boleh digunakan oleh pelajar dan pencinta bahasa Arab terutamanya pada peringkat asas.

Penulis buku ini juga kelihatannya berusaha mengenengahkan kepada para pelajar untuk memiliki kemampuan berbahasa (*Kafāah lughāwiyyah*) dan juga kemampuan berkomunikasi (*Kafāah ittishōliyyah*). *Kafāah lughāwiyyah* merangkumi dua perkara : 1) Kemahiran dan keterampilan bahasa, yaitu: *al-istimā'* (mendengar), *al-kalām* (berbicara), *al-qirāah* (membaca), dan *al-kitābah* (menulis); dan 2) tiga unsur bahasa, yaitu: *al-ashwāt* (bunyi), *al-mufrodāt* (perbendaharaan kata), dan *attarākīb an-naḥwiyyah* (struktur gramatikal).

Manakala *Kafāah al-ittishōliyyah* dimaksudkan sebagai kemampuan pelajar dalam berkomunikasi secara spontan, sama ada secara lisan ataupun tulisan dengan pemilik bahasa atau yang boleh berbahasa dengan bahasa ini dalam konteks pergaulan sosial mereka. Buku ini juga menggunakan sistem transliterasi sebagai panduan kepada para pelajar yang kurang berkemampuan dalam menguasai huruf Arab dan para pelajar non muslim yang mengambil subjek ini.

Buku ini mempunyai enam tajuk dalam 96 muka surat. Tajuk-tajuk tersebut ialah:

1. Al-Qaryah
2. Al-Hiwāyah
3. Al-^cĀṣimah
4. Al-Muwāṣalāt
5. At-Tasawwuq
6. Al-Imtiḥān

Sebagai buku teks, isi kandungan buku ini jelas menunjukkan bahawa ia telah dipersiapkan dengan matang. Perkara ini dapat dilihat dalam pemilihan tajuk isi kandungan buku seperti di atas yang bersifat menyeluruh, popular atau familiar, dan amat dekat hubungannya dengan keperluan pelajar. Menyeluruh, adalah disebabkan kerana siapa pun yang mempelajarinya dan

dari mana pun dia sudah tentu akan mengetahui tentang tajuk tersebut. Manakala popular, adalah disebabkan perbualan tajuk tersebut amat familiar dan menjadi perbualan harian mereka dan mempunyai hubungan yang amat dekat dengan keperluan pelajar. Perkara ini disebabkan kerana isi kandungan pelajaran menyentuh secara langsung dengan konteks (hajat) kehidupan sosial mereka.

Pendekatan yang digunakan ini akan lebih memudahkan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Sebagaimana yang di fahami tentang *principles of similarity* dalam psikologi Gestalt, di mana Kretch dan Crutchfield (dalam Rakhmad, 2001:60-61) pernah menunjukkan satu bukti berkaitan prinsip tersebut bahawa objek atau peristiwa yang berdekatan dalam ruang dan waktu atau yang menyerupai antara satu sama yang lain, cenderung dianggap sebagai sebahagian dari struktur yang sama. Justeru, hampirnya isi pesan dengan skemata (modal pengetahuan) pelajar membuatnya mudah dalam mengingat pengetahuan baru seperti kata, percakapan atau kaidah bahasa Arab.

5.0 Latar Belakang Reka Bentuk Buku

Dilihat dari aspek reka bentuk buku dan mesej yang ingin disampaikan, buku setebal 96 muka surat ini telah disusun dan dirancang dengan reka bentuk yang yang bagus .Jenis huruf *hijaiyyah* yang digunakan adalah *khat nasakh* dengan menggunakan bahasa Arab yang *fushah*. Ragam kaligrafi Arab yang sangat dikenali oleh para pelajar kerana bentuknya yang bersahaja dan mudah dibaca. Penulis menggunakan jenis font yang banyak sekali ditulis dalam naskah Arab, termasuk mushaf al-Qur`an dengan fontnya juga cukup representatif, iaitu berukuran 18. Jika di atas standard biasanya adalah dengan ukuran 14-16. Hampir keseluruhan perkataannya telah diletak *harakat* lengkap sehingga para pelajar akan mudah untuk membacanya.

Di samping itu, pesan atau mesej yang disampaikan dalam buku ini juga disertai dengan pelbagai gambar dan tabel yang berwarna-warni. Sehingga kesannya buku ini seperti buku bergambar. Justeru di sinilah terletaklah salah satu kelebihan buku ini yang membolehkan para pelajar untuk mudah memahami mesej yang ingin disampai di dalamnya. Mesej yang ingin disampaikan ditampilkan dengan tatacara berikut:

1. Setiap tajuk mempunyai *mufradāt* atau perkataan-perkataan baru dengan disertakan sekali *nizām ṣauthī* (sistem bunyi) untuk membezakan sebutan huruf-huruf yang berdekatan bunyinya.
2. Gambar disediakan secara bergandingan dengan setiap dialog (*hiwār*) dalam setiap halaman muka surat.
3. Setiap tajuk akan disertakan sekali kamus bergambar untuk memudahkan pencernaan makna oleh para pelajar.
4. Penekanan kepada empat kemahiran bahasa yang didahulukan dengan *mahārah istimāc*, *mahārah kalām*, *mahārah qirāah* dan *mahārah kitābah*.
5. Penekanan tajuk pertama adalah lebih penggunaan *isim* (kata nama yang terbahagi kepada *mufrad*, *muthannā* dan *jama^c*. Manakala tajuk kedua memberikan penekanan kepada penggunaan *fi^cl mudhāri^c*. Tajuk ketiga pula menekankan penggunaan *fi^cl*

Amr dan *fi'l nahī*. Sedangkan tajuk keempat pula menekankan perbezaan antara *fi'l mādhī* dan *mudhāri'* dan penggunaan *sifat* dan *mausūf*. Manakala tajuk kelima menekankan penggunaan *maṣdar* dan tajuk ke enam pula menekankan penggunaan *isim tafdhil* dan *mā tajjub*.

Namun buku ini juga tidak terlepas dari kekurangan. Antara kekurangan yang dapat dikesan di dalam buku ini adalah:

1. Melibatkan beberapa kesalahan tatabahasa sebagaimana berikut:

Kesalahan	Pembetulan	Muka Surat
منظرها جميلة ورائعة	منظرها جميل ورائع	4
مزرعة الخضروات واسع جداً	مزرعة الخضروات واسعة جداً	7
الأماكن قليلة	الأماكن القليلة	41
لا تخرج القصر	لا تخرج من القصر	45
البضائع مختلفة	البضائع المختلفة	57
اغتسل الشاحنة	غسل الشاحنة	57
أن الإمتحان قريباً جداً	أن الإمتحان قريب جداً	84

2. Banyak perkataan-perkataan yang dikesan tidak diletakkan dengan menggunakan baris yang betul. Perkataan-perkataan yang terdapat kesalahan baris adalah seperti berikut:

Kesalahan	Pembetulan	Muka Surat
استمع ثم ردد	إستمع ثم ردد	2
بركة	بركة	2
حقول الأرز	حقول الأرز	2
المزرعة	المزرعة	6
المكتبة	المكتبة	20
المنزل	المنزل	26
الملعب	الملعب	26
انطق وميز	انطق وميز	37
المتحف	المتحف	42
أنطق وأميز	انطق وميز	52
شكر	شكراً	70
الرياضيات	الرياضيات	87

Hal ini boleh menyebabkan pelajar akan membuat kesilapan apabila menuturkan perkataan-perkataan Arab.

3. Terdapat juga perkataan-perkataan yang tidak dibariskan. Hal ini mendatangkan kesukaran kepada kebanyakan pelajar yang tiada asas dalam bahasa Arab untuk membacanya. Perkataan-perkataannya adalah sebagaimana berikut:

Perkataan Tiada Baris	Perkataan Berbaris	Muka Surat
القرية	الْقَرْيَة	i
الهواية	الْهَوَايَة	i
جمع	جَمْع	12
العاصمة	الْعَاصِمَة	35
من	مِنْ	55
ورقة الأسئلة	وَرَقَة الْأَسْئَلَة	83

6.0 Faktor-faktor Kesalahan di dalam Buku Teks

Faktor atau punca yang menyebabkan berlakunya kesalahan di dalam buku teks adalah disebabkan oleh faktor penulis itu sendiri. Namun, Ghazali Yusri (2006), menyatakan kelemahan dalam menguasai tulisan Arab boleh dilihat pada dua dimensi iaitu pertama ialah faktor teknikal tulisan itu sendiri dan faktor kedua ialah motivasi dan sikap penulis.

Apabila melihat kepada kesalahan yang terdapat di dalam buku teks bahasa Arab *Al-Munīr al-Lughah al-ʿArabiyyah al-Ittisōliyyah* TAC 151 ini, faktor utama yang dapat dikaitkan ialah kecuaiannya penulis itu sendiri. Ini dapat dilihat daripada kesalahan-kesalahan teknikal yang dilakukan oleh penulis seperti kecuaiannya dalam membariskan perkataan-perkataan yang tidak ada kaitan dengan *gender* (feminin atau maskulin), penggunaan *sifat dan mausūf*, *al-afʿāl* dan sebagainya. Walaupun begitu kesalahan agak banyak ditemui dan ia akan menyebabkan apabila perkataan-perkataan ini digunakan ia tidak memberi apa-apa makna ataupun akan menjadi makna yang lain dari yang dikehendaki penutur. Seterusnya penyampaian maklumat atau makna yang ingin disebutkan oleh penutur akan salah difahami dan tidak sampai kepada pendengar.

7.0 Cadangan

Beberapa cadangan dapat disarankan pada kajian ini. Antaranya ialah:

- 7.1 Pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) perlu membuat semakan semula pada buku teks yang telah dikeluarkan supaya tiada kesalahan dalam buku teks bahasa Arab. Aspek tatabahasa terutamanya yang berkaitan dengan kategori tatabahasa perlu dikuasai oleh pelajar untuk membina ayat yang betul menepati kehendak dan peraturan rumus bahasa Arab.
- 7.2 Sebelum mengeluarkan buku teks baru, satu semakan menyeluruh perlu dijalankan supaya kesalahan yang sama tidak berulang kembali. Panel semakan yang berautoriti perlu membuat bengkel semakan berkali-kali supaya buku teks yang dikeluarkan tepat mengikut tatabahasa Arab dan tidak terdapat kesilapan teknikal.

8.0 Kesimpulan

Kajian ini bukanlah bertujuan untuk mencari kesalahan yang terdapat di dalam buku teks dan memperbetulkannya semata-mata, malah untuk memberi rangsangan kepada para pensyarah bahasa Arab dan para pencinta bahasa syurga ini agar perihatin dan lebih berhati-hati dalam menyusun dan menerbitkan buku teks supaya kesalahan-kesalahan tidak berulang

lagi. Bukan itu sahaja, moga dengan hasil kajian ini, kesalahan-kesalahan yang telah disenaraikan ini dapat membantu para pensyarah dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar.

Rujukan

- Ab Halim Mohamad. (2003). *Buku Teks Bahasa Arab di Malaysia: Antara Teori Pengajaran dan Realiti*, dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3. 2003. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM
- Ainon Wazir. (2004). *Faktor-faktor pembelajaran yang mempengaruhi pencapaian pelajar BAK: Satu kajian di SMKA Maahad Hamidiah, Kajang*. Kertas Projek Sarjana, tidak diterbitkan. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Arif Kharkhy Khudhairy (1994). *Ta'lim al-lughat al-'Arabiyah li ghair al-'Arab Dirasat fi al-Manhaj wa Turuq al-Tadris*. Kaherah: Dar Al-Saqafah lil al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Atan Long (1980). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Azharudin Ahmad Zakaria (2005). *Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama, Satu Kajian Kes*. Dissertation (M.M.L.S.). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 2006.
- Fleming, Malcolm & W. Howard Levie.1981. *Instructional Message Design: Principles from the Behavioral Sciences*. New Jersey: Educational Technology Publications
- Ghazali Yusri Bin Abd Rahman & Ahmad Bin Salleh. 2006. *Kemahiran Menulis Tulisan Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar UiTM: Kelemahan Dan Cara Mengatasinya*. Laporan Penyelidikan Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Ishak Mohd. Rejab. (1993). *Masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia* (Cetakan kedua). Dlm Ismail Ab. Rahman (pnyt). Pendidikan Islam Malaysia (hlm. 225-245). Bangi: Penerbit UKM.
- Kamarulzaman Abdul Ghani & Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2010). *An Assessment Of Readability Of A Book From Technical Presentation: An Investigation On Form Four Arabic Textbook In Malaysia (Arabic Version)*. Jurnal Of Reading And Knowledge. Ain Sham University, Egypt.
- Kementerian Pelajaran Malaysia.(2005). *Program penerbitan pakej buku teks KBSR kegunaan mulai tahun 2007 melalui kaedah komisi*. Kuala Lumpur: Bahagian Buku Teks.
- Mansoer Pateda (1991). *Linguistik Terapan*. Jakarta: Penerbit Nusa Indah.
- Mohd Zuhir Abd Rahman, (2005). *Penilaian dan Pembelajaran: Satu Kajian Buku Teks KBSM Bahasa Arab Komunikasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Muhammad Haron Husaini Muhd. Syukri Abd. Rahman Ahmad Redzaudin Ghazali Norhidayati Abdullah. 2014. *Tahap Kebolehbacaan Buku Al-Mursyid fi al-Lughah al-Arabiah (1)* Ijisa, Volume 1, Number 1.

Nik Mohd Rahimi, Zahriah Hussin & Wan Normeza (2014). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pada Kalangan Pelajar Cemerlang* Jurnal Teknologi (Social Sciences) 67:1 (2014), 33–38

Rakhmat, Jalaluddin. 2001. *Psikologi Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.

Wan Mohamad Wan Muda.(1998). *Seminar Penulisan dan Penilaian Buku-Buku Teks*. Kuala Lumpur: Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.